



KOD ETIKA DAN KOD TATAKELAKUAN



Kemesraan, kecekapan, ketelusan
JABATAN PENGANGKUTAN JALAN
MALAYSIA

Kata Pengantar

Bersyukur ke hadrat Illahi kerana dengan limpah dan izin-Nya telah diberi kesempatan dan kekuatan kepada saya untuk mencoretkan sepatah dua kata bagi penerbitan Buku Kod Etika dan Tatakelakuan Jabatan Pengangkutan Jalan ini buat kali pertamanya. Saya merasakan penerbitan buku ini adalah amat diperlukan bagi seluruh sebagai panduan umum dan khusus dalam menjalankan tugas seharian.

Penerbitan buku ini juga adalah merupakan satu proses penambahbaikan nilai dalam membentuk dan melahirkan modal insan yang berjaya. Penekanan harus diberikan kepada sumber insan yang merangkumi segala aspek yang ada bagi menjayakan agenda kerajaan dalam mewujudkan perkhidmatan awam yang cekap dan efisien serta berada pada kelas yang tersendiri khususnya bermula dengan pengambilan anggota yang bekualiti dan produktif. Perkara ini juga adalah selaras dengan dengan strategi dan pendekatan kerajaan bagi mewujudkan perkhidmatan awam yang bermutu tinggi.

Penerbitan buku ini amat diperlukan bagi menjamin hasil kerja agar sentiasa berada pada tahap maksimum dan segala perancangan yang telah dibuat ke arah mewujudkan Pegawai Pengangkutan Jalan yang cekap dan berintegriti mampu dicapai.

Akhir kata, saya amat berbesar hati dan berharap agar Buku Kod Etika dan Tatakelakuan ini dapat dijadikan panduan kepada semua dalam menjalankan tugas harian mereka. Semoga segala usaha ini akan menjadikan Jabatan Pengangkutan Jalan sebuah organisasi yang tidak boleh dipertikaikan akan kewibawaan dan menjadi peneraju dalam memberi perkhidmatan yang cemerlang kepada masyarakat bersesuaian dengan visinya “Memacu Kecemerlangan Dalam Pengangkutan Jalan”

Sekian

Dato’ Hj. Solah b. Mat Hassan

Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan Malaysia

Tujuan

Kod Etika dan Tatakelakuan ini bertujuan membantu dan menjadi panduan kepada melaksanakan tanggungjawab dan amanah selaras dengan peraturan dan undang-undang yang perlu dipatuhi.

Objektif

Objektif Buku Kod Etika dan Tatakelakuan Jabatan Pengangkutan Jalan ini adalah seperti berikut:-

1. Sebagai garis panduan berhubung dengan sikap dan tingkahlaku semasa melaksanakan tugas dan amanah.
2. Menegaskan bahawa JPJ mempunyai reputasi yang adil dan bertanggungjawab dalam semua tindakan kepada kakitangan dan pelanggan.
3. Menyepadukan pengaruh etika dengan pengaruh undang-undang agar lebih berjaya dan berkesan dalam usaha membanteras segala bentuk rasuah, salah laku, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa.
4. Merealisasikan hasrat Kerajaan untuk “mewujudkan masyarakat yang kukuh dalam nilai agama dan kerohanian serta didorong oleh tahap etika yang paling “ akan tercapai, sejajar dengan Wawasan 2020 negara.

KANDUNGAN

Muka Surat

Kata Pengantar

Objektif

Kandungan

Bahagian I

Visi, Misi dan Objektif JPJ

Slogan JPJ

Prinsip JPJ

Tonggak 12

Nilai – Nilai Utama Organisasi

Bahagian II

Kod Etika

1. Profesionalisme
2. Bertindak Sebagai Satu Pasukan
3. Kecemerlangan Dan Keunggulan
4. Berhemah Dan Berwibawa
5. Pembelajaran Berterusan

Bahagian III

Kod Tatakelakuan

BAHAGIAN I

VISI, MISI, OBJEKTIF DAN SLOGAN JPJ

Visi JPJ

JPJ Peneraju Kecemerlangan Dalam Pengurusan Dan Penguatkuasaan Pengangkutan Jalan

Misi JPJ

Memastikan pengangkutan jalan di Malaysia adalah selamat dan efisien serta memenuhi keperluan pelanggan dan negara.

Objektif JPJ

- Mewujud dan mentadbir sistem pendaftaran dan pelesenan semua jenis kenderaan bermotor yang berintegriti, berkesan dan selamat.
- Mewujud dan mentadbir sistem latihan, pengujian dan pelesenan pemandu yang berkesan bagi melahirkan pemandu kenderaan bermotor yang mahir, berdisiplin dan berhemah.
- Menguatkuasa dan mentadbir undang-undang jalan raya bagi melahirkan pengguna jalanraya yang mempunyai budaya kepatuhan kepada undang-undang dan peraturan jalan raya.
- Melaksana khidmat nasihat teknikal yang cekap bagi keperluan industri pengangkutan jalan raya.

Slogan JPJ

Khidmat Berkualiti Amalan Kami

LAGU BINA JPJ

JPJ Terunggul

Berkualiti Tinggi

Komited dan Berwawasan

JPJ Berikrar

Bersih Cekap Amanah

Rasuah Dibanteras

Sentiasa Peka

Memberi Perkhidmatan

Kepuasan Sama Dirasa

Piagam Pelanggan

Menjadi Pegangan

Selamat Di Jalan Raya

Mari Bersama

Membina JPJ

Untuk Bangsa dan Negara

IKRAR JPJ

Bahawa Saya

Berikrar Akan Sentiasa

Bekerja Dengan Bersih

Cekap Dan Amanah

Bertanggungjawab Dan Berdisiplin

Bagi Mencapai Wawasan JPJ Dan Negara

LOGO JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA



- MERAH** - Semangat dan Disiplin yang tinggi dalam perkhidmatan.
- KUNING** - Perkhidmatan yang berpegang kepada nilai-nilai moral dan etika yang tinggi serta kukuh dalam nilai agama dan kerohanian
- BULAN DAN BINTANG** - Menjunjung perkhidmatan yang berlandaskan pegangan agama yang tinggi
- BUNGA PADI** - Sumbangan ke arah kemakmuran negara melalui kutipan hasil yang cekap dan berkesan
- BULATAN DI TENGAH-TENGAH** - Menjadi peneraju kepada pembangunan sektor pengangkutan jalan raya yang selamat, cekap dan berdisiplin bagi menyokong pembangunan ekonomi dan sosial negara. Bulatan juga melambangkan JPJ sebagai sebuah organisasi yang mempunyai daya perubahan yang tinggi dan sentiasa memandang ke hadapan dalam memenuhi keperluan persekitaran yang dinamik.

TONGGAK 12 BELAS**Menghargai masa****Ketekunan membawa kejayaan****Keseronokan bekerja****Kemuliaan kesederhanaan****Ketinggian peribadi****Kekuatan sifat baik hati****Pengaruh teladan****Kewajipan menjalankan tugas****Kebijaksanaan berhemat****Keutamaan kesabaran****Peningkatan bakat****Nikmat mencipta**

NILAI-NILAI UTAMA ORGANISASI

1. Berintegriti dan Akauntabiliti

Melaksanakan amanah dan kuasa dengan jujur, adil dan saksama. Berkhidmat dengan komitmen dan bertanggungjawab serta sempurna dan utuh.

2. Kecemerlangan Diri dan Organisasi

Menjalankan tugas dengan tabah, komited, tekun istiqamah, nilai tambah, redha dan sentiasa berusaha menambah pengetahuan melalui pembelajaran sepanjang hayat

3. Profesionalisme Dalam Perkhidmatan

Sentiasa mengamalkan profesionalisme yang tinggi serta bersedia bertindak untuk memberi perkhidmatan berkualiti kepada pelanggan

4. Mesra Jagat

Menjalankan perasaan prihatin, mesra, penyayang, ceria, peka dan empati.

5. Kerja Berpasukan

Mempunyai semangat kekitaan, bekerjasama, bertolak ansur dan sifat setia kawan dan muafakat yang tinggi untuk mencapai visi dan misi organisasi.

BAHAGIAN II

Kod Etika

Kod etika boleh diertikan sebagai satu set prinsip moral atau nilai-nilai akhlak cemerlang yang seragam dan ditetapkan oleh sesuatu organisasi untuk dijadikan sebagai pegangan dan amalan setiap warganya.

Jabatan Pengangkutan Jalan telah menetapkan lima (5) etika kerja cemerlang yang mesti dipatuhi oleh semua lapisan warganya sebagaimana berikut:-

1. PROFESIONALISME

- Mempunyai komitmen yang tinggi dan sentiasa bersedia untuk menjalankan tugas.
- Bertanggungjawab dan gigih dalam setiap tugas yang dilakukan.
- Mempunyai kemahiran, kebijaksanaan serta kemampuan dalam menjalankan tugas yang diamanahkan.
- Mempunyai integriti yang tinggi, tidak pilih kasih dan tidak mementingkan diri.
- Kreatif, inovatif, bermotivasi dan berdaya saing.

2. BERTINDAK SEBAGAI SATU PASUKAN

- Bertindak ke arah mencapai satu visi.
- Sentiasa melibatkan diri dan memberi sumbangan dalam aktiviti jabatan.
- Berkongsi pengalaman, maklumat, ilmu dan pengetahuan.
- Sentiasa menjaga imej jabatan.
- Sentiasa bertolak ansur, bertoleransi, bekerjasama serta saling hormat-menghormati.

3. KECEMERLANGAN DAN KEUNGGULAN

- Berusaha untuk melakukan yang terbaik.
- Sentiasa berusaha untuk memperbaiki prestasi kerja.
- Sentiasa peka dan prihatin kepada kehendak pelanggan dan perubahan persekitaran.
- Berupaya dan sentiasa berminat untuk mempelajari pelbagai kemahiran bagi menjalankan pelbagai tugas.
- Berdedikasi dan berdisiplin.

4. BERHEMAH DAN BERWIBAWA

- Jujur, amanah dan berakhlak dalam menjalankan tugas tanpa menyalahgunakan kuasa dan kedudukan.
- Bertimbang rasa, mesra, adil dan saksama.
- Tegas, tepat dan konsisten dalam membuat kerja dan keputusan.
- Sentiasa tenang dan sabar serta dapat menyesuaikan diri dalam semua situasi.
- Menampilkan diri dengan imej yang kemas dan berbudi bahasa.

5. PEMBELAJARAN BERTERUSAN

- Bersedia belajar daripada pengalaman diri sendiri dan orang lain ke arah penambah baikan.
- Sentiasa mencari ruang untuk memaju dan meningkatkan kemahiran diri.
- Sentiasa menggalakkan semua anggota supaya berusaha memajukan diri.
- Sentiasa berusaha memupuk bakat individu.
- Tidak segan untuk bertanya.

BAHAGIAN III

KOD TATAKELAKUAN

A. Kod Tatakelakuan Warga JPJ

Kod Tatakelakuan Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia menetapkan tingkah laku warga JPJ berpandukan undang-undang, arahan, peraturan semasa, nilai-nilai teras dan kod etika serta Peraturan-peraturan Pegawai Awam 'Kelakuan dan Tatatertib 1993' dan Surat Akujanji yang telah ditandatangani oleh mereka. Dengan Kod Tatakelakuan ini, imej dan reputasi warga JPJ yang berslogankan mesra, cekap dan telus akan sentiasa terpelihara. Tiga Puluh Dua (32) Kod Tatakelakuan Warga JPJ Malaysia adalah sebagaimana berikut:-

1. Kejujuran dan Integriti

Adalah menjadi suatu kewajipan kepada warga JPJ untuk mewujudkan kepercayaan masyarakat kepada mereka dari segi kejujuran dan integriti yang ditunjukkan oleh mereka. Seorang warga JPJ mestilah sentiasa telus dalam menjalankan tugas untuk mengelakkan daripada dipandang serong oleh individu, institusi atau masyarakat. Warga JPJ juga hendaklah sentiasa menunjukkan sikap bertimbang rasa, sabar serta mengambil berat terhadap kesejahteraan pemandu, pemunya berdaftar dan pengguna jalanraya tanpa mengharapkan ganjaran atas tugas rasmi yang telah dijalankan.

2. Tidak Menerima Rasuah

Warga JPJ bertanggungjawab memikul amanah yang telah diberikan oleh kerajaan kepada mereka dan sentiasa perlu menjaga tahap integriti yang ada pada mereka dan tidak meletakkan mereka dalam keadaan di mana masyarakat memandang serong dan menganggap mereka mendapat imbuhan dari setiap aktiviti penguatkuasaan yang dijalankan. Oleh itu warga JPJ hendaklah menolak segala bentuk pemberian hadiah atau anugerah yang tidak sah atau yang boleh disangsikan tujuan pemberiannya.

3. **Keadilan dan Kesabaran**

Warga JPJ adalah bertanggungjawab untuk memastikan segala tugas yang dijalankan adalah adil dan saksama terhadap semua lapisan masyarakat. Mereka juga adalah bertanggungjawab untuk melayan segala kerenah masyarakat dengan sabar dan penuh hormat dan mengelakkan daripada wujudnya pilihkasih serta segala bentuk tindakan yang boleh dikategorikan sebagai penganiayaan atau diskriminasi

4. **Had Kuasa**

Semasa menjalankan tugas penguatkuasaan seorang warga JPJ mestilah tahu sejauh mana kuasa yang ada pada mereka dan arif mengenai apa yang boleh dan tidak boleh dilakukan walaupun matlamatnya adalah untuk menguatkuasakan undang-undang seperti menggunakan kekerasan yang melampau serta tidak bersesuaian dengan kes yang cuba ditangani. Warga JPJ juga tidak boleh menyalahgunakan kuasa atau kedudukan yang telah diberikan kepada mereka.

5. **Pelaksanaan Tugas**

Warga JPJ mestilah sentiasa menjalankan tugas dengan cermat dan teliti dan hadir bertugas mengikut waktu atau arahan yang telah dikeluarkan. Untuk mengelakkan daripada berlakunya ketidakhadiran bertugas ekoran daripada keadaan kesihatan yang tidak mengizinkan dan kecederaan, mereka haruslah mengelakkan daripada aktiviti-aktiviti yang boleh membantut atau menjejaskan kehadiran bertugas mereka. Sepanjang masa mereka hendaklah berusaha sedaya mampu dalam mengekalkan atau menambah pengetahuan professional dan kompetensi terhadap tugas yang dilakukan.

6. Pematuhan Terhadap Undang-undang

Kecuali terdapat perkara yang boleh menyebabkan atau mendatangkan kesan yang sebaliknya terhadap pematuhan terhadap undang – undang yang sedang berkuatkuasa, warga JPJ hendaklah patuh terhadap semua undang-undang yang sedang berkuatkuasa atau yang dilaksanakan mengikut peraturan yang telah digariskan. Warga JPJ pada setiap masa hendaklah memberi sokongan terhadap rakan sekerja dalam menjalankan penguatkuasaan undang-undang dan menentang segala tatakelakuan yang bersalahan atau melaporkan jika perlu sebarang pelanggaran tatakelakuan itu.

7. Keselamatan dan Kerahsiaan Maklumat

Setiap warga JPJ hendaklah pada setiap masa :

- Menentukan semua maklumat dan dokumen terperingkat sentiasa terpelihara dan disimpan di tempat yang selamat sebagaimana yang dinyatakan dalam Arahan Keselamatan Kerajaan
- Tidak berkelakuan cuai sehingga boleh membahayakan keselamatan atau menyebabkan terdedahnya kerahsiaan sesuatu maklumat atau dokumen terperingkat
- Tidak mendedahkan apa-apa maklumat terperingkat dengan apa cara sekalipun semasa atau selepas berkhidmat dengan jabatan ini
- Tidak membuat salinan atau menggunakan mana-mana dokumen terperingkat dengan apa cara sekalipun untuk kepentingan peribadi kecuali setelah mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Jabatan
- Menyerahkan semua dokumen terperingkat yang ada dengannya kepada Ketua Jabatan menjelang persaraan atau pertukaran selaras dengan kehendak Akta Rahsia Rasmi 1972 tanpa menunggu arahan untuk berbuat demikian.

8. Dadah dan Minuman Keras

Setiap warga JPJ adalah ditegah pada bila-bila masa:-

- Melibatkan diri secara langsung atau tidak langsung dalam pengedaran dadah
- Menggunakan atau mengambil dadah (kecuali bagi maksud perubatan sebagaimana yang ditetapkan oleh pengamal perubatan yang didaftarkan di bawah Akta Perubatan 1971)
- Memiliki, menjual atau mengedar atau meminum minuman keras di tempat kerja

Pihak Jabatan berhak memeriksa pada bila-bila masa mana-mana PPJ yang disyaki :

- Terlibat dengan penyalahgunaan dadah
- Memiliki, menjual atau mengedar atau meminum minuman keras di premis kerajaan.

9. Keseragaman Tindakan Penguatkuasaan

Warga JPJ adalah bertanggungjawab dalam memastikan setiap tindakan undang-undang yang dijalankan atau diambil adalah seragam dan tidak berbeza-beza mengikut negeri kecuali terdapatnya peruntukkan-peruntukan atau arahan-arahan yang membenarkan beliau berbuat sedemikian demi kepentingan atau kesesuaian masa dan tempat.

10. Menerima dan Memberi Maklumbalas Terhadap Aduan

Warga JPJ bertanggungjawab untuk menerima dan memberi tindakbalas yang baik terhadap segala aduan yang diberikan oleh masyarakat atau agensi-agensi mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan perlaksanaan dan penguatkuasaan ke atas Akta Pengangkutan Jalan 1987, Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 serta kaedah-kaedah yang dibuat dibawahnya tanpa mengira dalam bentuk apa aduan tersebut diterima samada lisan atau bertulis.

11. Pemahaman Terhadap Undang-undang dan Arahan

Warga JPJ mestilah faham mengenai sesuatu peruntukkan undang-undang atau Arahan yang hendak dilaksanakan dan sekiranya mereka ragu atau tidak jelas mengenai peruntukan ini, mereka hendaklah merujuk kepada pihak atasan yang lebih mahir atau mana-mana agensi yang menguatkuasakan undang-undang atau akta yang sama.

12. Keterampilan

Warga JPJ, pada setiap masa ketika bertugas, samada memakai pakaian seragam atau tidak hendaklah kelihatan kemas, segar dan bersih kecuali terdapat arahan yang menghendaki beliau berbuat sebaliknya demi kepentingan tugas yang dijalankan. Warga JPJ adalah tidak dibenarkan menyimpan janggut atau jambang semasa berpakaian seragam dan kedua-duanya hendaklah sentiasa dicukur kemas dan bersih sepanjang masa. Warga JPJ juga hendaklah sentiasa bijak berkomunikasi mengikut keadaan samada secara lisan atau dengan menggunakan bahasa isyarat supaya tidak menimbulkan sebarang salah tanggapan dan menyinggung mana-mana pihak.

Setiap warga JPJ tidak dibenarkan memakai cermin mata hitam semasa berurusan dengan pelanggan atau pengguna jalan raya.

13. Tatakelakuan Am

Warga JPJ, sama ada sedang bertugas atau tidak, hendaklah sentiasa mengamalkan sikap yang baik dan tidak mendatangkan aib atau menjatuhkan maruah jawatan dan Jabatan. Warga JPJ juga hendaklah sentiasa mematuhi undang-undang dan peraturan jalan raya .

14. Ketidakhadiran Bertugas

Setiap warga JPJ hendaklah hadir bertugas pada setiap hari bekerja dan hari-hari lain serta masa yang beliau dikehendaki bertugas melainkan :-

- Setelah mendapat kelulusan cuti rehat/tidak berekod daripada Ketua Jabatan atau Cuti Sakit dengan mengemukakan Sijil Cuti Sakit daripada Pegawai Perubatan
- Setelah mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada Ketua Jabatan kerana kecemasan seperti kematian ahli keluarga, kemalangan sehingga mengalami kecederaan, bencana alam dan sebagainya.

15. Kerjasama dan Perkongsian

Warga JPJ mestilah memberikan kerjasama yang sepenuhnya kepada agensi-agensi penguatkuasa yang lain mengikut peruntukan-peruntukan dan arahan-arahan yang telah ditetapkan termasuklah tanggungjawab terhadap pencegahan rasuah dan penyalahgunaan kuasa. Warga JPJ juga adalah bertanggungjawab dalam memastikan wujudnya persefahaman dengan agensi-agensi penguatkuasa lain yang menjalankan bidang penguatkuasaan di bawah akta yang sama supaya tidak dipandang rendah oleh masyarakat akan kewibawaan atau profesionalisme agensi-agensi penguatkuasa yang terdapat dalam negara ini.

16. Sikap Profesionalisme

Warga JPJ pada setiap masa hendaklah mengamalkan sikap dan menjalankan tugas secara professional dalam menangani isu-isu berkaitan penguatkuasaan atau lain-lain bentuk tugas yang dijalankannya. Seorang warga JPJ juga hendaklah sentiasa tahu akan peranan dan tanggungjawab mereka dan sentiasa berusaha untuk mewujudkan hubungan yang baik dengan masyarakat. Warga JPJ juga tidak boleh bersikap negatif seperti memburuk-burukkan jabatan sendiri dan sentiasa menidakkan usaha-usaha murni yang telah dilakukan oleh jabatan dalam meningkatkan imej jabatan.

17. Kesediaan

Warga JPJ pada setiap masa hendaklah sentiasa bersedia untuk menerima dan melaksanakan setiap arahan daripada pihak atasan samada semasa bertugas mau pun di luar waktu bertugas melainkan arahan atau tugas yang diberikan adalah berlawanan dengan kehendak peraturan atau undang-undang yang sedang berkuat kuasa. Warga JPJ juga mestilah sentiasa bersedia untuk memberikan pertolongan mengikut kemampuan kepada golongan-golongan yang memerlukan pertolongan seperti mereka yang terlibat dengan kemalangan.

18. Menghormati Pegawai Atasan

Warga JPJ pada setiap masa hendaklah sentiasa menghormati pegawai atasan atau pegawai yang lebih kanan berdasarkan kepada pangkat seseorang pegawai. Adalah menjadi tanggungjawab seorang Pegawai Pengangkutan jalan semasa berpakaian seragam untuk memberi tabik hormat kepada pegawai yang lebih tinggi pangkatnya.

Peraturan hormat dan memberi hormat adalah sebagaimana berikut:-

- Tabik hormat hendaklah diberikan semasa pegawai memakai pakaian seragam lengkap samada dalam keadaan statik atau semasa berjalan.
- Tabik hormat semasa berjalan hendaklah dilakukan dengan keadaan tangan kiri rapat ke sisi kiri (hentikan hayunan tangan kiri) sambil tangan kanan melakukan pergerakan tabik hormat yang betul sambil berjalan dalam keadaan yang kemas (seperti berkawad) dan pada masa yang sama muka dihadapkan kepada pegawai yang menerima hormat dengan memberi ucapan selamat yang sesuai.
- Sekiranya tidak memakai pakaian seragam atau semasa tidak berpakaian seragam lengkap, seorang pegawai hendaklah mempamerkan perbuatan hormat dengan berdiri tegak dalam keadaan sedia sekiranya pegawai berada pada keadaan statik dengan muka menghadap pegawai yang menerima hormat sambil memberi ucapan selamat yang sesuai.
- Sekiranya pegawai sedang berjalan, perbuatan memberi hormat hendaklah diberikan dengan merapatkan kedua-dua tangan seperti dalam kedudukan 'sedia' dan muka dihadapkan kepada pegawai yang menerima hormat sambil memberi ucapan selamat yang sesuai sambil terus berjalan.
- Kata panggilan yang sesuai bagi warga JPJ adalah seperti berikut:
 - "encik" bagi pegawai dalam gred jawatan 22 dan 26;
 - "tuan" bagi pegawai dalam gred 27 dan ke atas;
 - kata panggilan lain menurut darjah kebesaran atau anugerah yang diterima oleh seseorang pegawai.

19. Pergaulan Antara Kakitangan dan Pihak Luar

Warga JPJ, pada setiap masa, mestilah menjaga batasan pergaulan antara kakitangan, rakan dan pihak luar terutama sekali pergaulan dengan

pihak-pihak yang berkepentingan dengan Jabatan seperti agen, institusi pemanduan dan lain-lain supaya tidak timbul tohmahan daripada pihak luar atau masyarakat yang boleh menghilangkan keyakinan mereka terhadap jabatan.

20. Pembangunan Kerjaya

Warga JPJ adalah bertanggungjawab untuk melengkapkan diri mereka dengan pengetahuan dan kemahiran melalui kursus-kursus yang dianjurkan oleh Jabatan dan pihak luar demi untuk mencapai kejayaan dan pembangunan kerjaya mereka. Setiap warga JPJ yang ingin menghadiri sebarang kursus anjuran Jabatan atau pihak luar hendaklah terlebih dahulu mendapat kebenaran daripada Ketua Jabatan.

21. Meningkatkan Imej Jabatan

Setiap warga JPJ adalah bertanggungjawab untuk memastikan imej Jabatan atau imej mereka adalah sentiasa baik dengan tidak menyertai aktiviti-aktiviti yang tidak bermoral atau dikategorikan sebagai aktiviti tidak sihat.

22. Pengisytiharan Harta

Setiap warga JPJ hendaklah mengisytiharkan secara bertulis dengan disokong oleh dokumen-dokumen berkaitan mengenai:

- Segala asset/harta yang dipunyai olehnya atau isteri/suami atau anak-anaknya atau mana-mana orang bagi pihaknya atau isteri/suami atau anak-anaknya kepada Ketua Jabatan apabila dilantik sebagai anggota JPJ
- Apa-apa perolehan harta atau pelupusan harta sedia ada samada yang dimiliki oleh dirinya sendiri, suami/isteri atau anak-anaknya secepatnya mungkin selepas perolehan atau pelupusan itu.

23. Percanggahan Kepentingan

Setiap warga JPJ hendaklah melaksanakan tugas dengan jujur, telus, prihatin dan amanah tanpa melibatkan kepentingan peribadi serta sentiasa meletakkan keperluan jabatan terlebih dahulu semasa menjalankan tugas rasmi.

24. Pekerjaan Luar

Seseorang Pegawai Pegangkutan Jalan tidak boleh pada bila-bila masa membuat pekerjaan luar yang memberi imbuhan kewangan semasa atau selepas waktu pejabat, walaupun pekerjaan itu tidak bersangkut-paut dengan jabatan. Walaubagaimanapun, Ketua Jabatan boleh memberi kebenaran bertulis kepada seseorang PPJ untuk membuat pekerjaan luar dengan syarat perkara-perkara berikut dipatuhi:-

- Pekerjaan tersebut tidak boleh dilakukan semasa waktu pejabat
- Pekerjaan tersebut tidak menjejaskan waktu kerjanya dan tidak menghalang pegawai tersebut menjalankan tugas rasminya di luar waktu pejabat apabila diarah oleh Ketua Jabatan
- Pekerjaan tersebut tidak bercanggah dengan kepentingan Jabatan ataupun melibatkan jabatan
- Pekerjaan tersebut tidak menyalahi undang-undang

25. Membuat Kenyataan Akhbar dan Perhubungan Dengan Media Massa

Setiap warga JPJ pada bila-bila masa tidak boleh:

- Membuat atau menghebahkan kenyataan awam secara bertulis atau lisan mengenai perkara-perkara terperingkat atau melibatkan dasar Jabatan melainkan mendapat kebenaran Ketua Jabatan
- Menerbitkan apa-apa maklumat atau bahan terperingkat dalam mana-mana media cetak atau elektronik seperti akhbar, majalah,

jurnal, buku, radio,televisyen dan sebagainya melainkan mendapat kebenaran Ketua Jabatan

- Membuat kenyataan awam atau membincangkan perkara-perkara terperingkat dengan apa cara sekalipun sehingga menjejaskan perkhidmatan JPJ khususnya dan Perkhidmatan Awam amnya

26. Menjaga Nama Baik Jabatan

Seorang warga JPJ pada bila-bila masa tidak boleh memburukkan atau menyalahkan Jabatan berhubung satu-satu dasar, prosedur kerja yang dikeluarkan tetapi sebaliknya mempertahankan dan menjelaskan niat baik serta rasional dasar, peraturan atau prosedur tersebut dikeluarkan atau dilaksanakan.

27. Kesusahan Berat Kerana Hutang, Meminjam Wang Dan Menjadi Penjamin

Seorang warga JPJ pada bila-bila masa tidak boleh terlibat dengan perkara-perkara berikut:-

- tidak boleh pada bila-bila masa meminjam wang daripada sesiapa sahaja sehingga meletakkan beliau dalam situasi keterhutangan yang serius;
- tidak boleh menjadi penjamin kepada seseorang sehingga meletakkan dirinya dalam keadaan keterhutangan yang serius;
- tidak boleh menyertai / menganjur sebarang Skim Cepat Kaya atau seumpama dengannya;
- Seorang warga JPJ boleh dianggap berada dalam keterhutangan serius jika:-
 - Agregat hutang dan liabilitinya yang tidak bercagar melebihi enam kali emolumen bulanannya;
 - Beliau adalah seorang penghutang penghakiman (muflis).

28. Menyara Hidup Melebihi Pendapatan Rasmi

Seorang warga JPJ tidak boleh pada bila-bila masa memperlihatkan gaya hidup yang melebihi punca pendapatan rasminya dan Ketua Jabatan adalah berhak untuk meminta penjelasan mengenai perkara ini dan adalah menjadi tanggungjawab PPJ untuk memberi penjelasan yang munasabah mengenai perkara ini.

29. Kegiatan Jenayah

Semua warga JPJ adalah dilarang daripada terlibat dengan aktiviti-aktiviti yang menyalahi undang-undang/ peraturan-peraturan Negara atau terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam kegiatan kurang berkahlak atau jenayah seperti:-

- Terlibat dengan pemalsuan, penipuan atau pengubahan rekod-rekod atau dokumen rasmi kerajaan
- Menyertai kumpulan yang mengancam keselamatan Negara dan menggugat perpaduan di antara kaum
- Terlibat dalam perlumbaan haram, pelaburan haram, kegiatan maksiat, perhimpunan haram dan sebagainya.

30. Kegiatan Politik

Semua warga JPJ hendaklah sentiasa mengamalkan sikap berkecuali atau tidak memihak kepada mana-mana parti politik dan tidak melanggar larangan yang terkandung di dalam Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib 1993) di samping mengekalkan taat setia menjalankan tugasnya.

31. Kegiatan Ajaran Sesat

Seseorang warga JPJ adalah pada bila-bila masa ditegah menganut, mengikut dan mengamalkan ajaran sesat dan menyertai atau menyokong kegiatan-kegiatan yang membahayakan ketenteraman awam dan Negara.

32. Menyalahgunakan Aset Dan Kemudahan Pejabat

Seseorang warga JPJ, pada bila-bila masa, :-

- dikehendaki menggunakan aset/harta Jabatan untuk tujuan rasmi secara cermat dan bertanggungjawab tanpa mendatangkan kerosakan atau kerugian kepada Jabatan;
- tidak boleh menggunakan aset/harta atau kemudahan Jabatan untuk kepentingan peribadi kecuali dengan kebenaran pihak pengurusan Jabatan/Ketua Jabatan.

Jabatan adalah berhak untuk menuntut segala kerosakan dan kerugian ekoran daripada penggunaan yang tidak cermat, membazir dan cuai.